



Isteri PM rasmi Laman Agro-Food Florikultur 'Miracle Garden'

Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail merasmikan Laman Agro-Food Florikultur 'Miracle Garden', antara tarikan utama Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024. di di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang, semalam. Laman berkenaan dihiasi 100 jenis tanaman bunga-bunga segar bewarna-warni sebagai simbolik kepada kepelbagaian etnik, agama, budaya dan tradisi di Malaysia dan menjadi cerminan kepada aspirasi Malaysia MADANI dalam membentuk negara yang harmoni dalam kepelbagaian. Dr Wan Azizah turut melancarkan *Buku Pakej Teknologi Tanaman Ros* terbitan Jabatan Pertanian yang menyediakan panduan komprehensif mengenai tanaman ros meliputi aspek botani, amalan penanaman, pengurusan penyakit, penuaian serta potensi produk hiliran dan aliran kewangan.

(Foto BERNAMA)